



Pak Abu di Kuala Lumpur tatkala menyambut tahniah ruangan ini kepada Yang Dipertuan Negara terus berdalil. Tetapi malangnya ia tak tahu mengeja ayat yang dibawanya sebagai dalilnya itu. Menurut hukum agama kalau orang tidak rujuk menulis huruf al-Qur'ān yang tersalah itu dan bersengaja maka hukumannya mur..... sebab itu harap Pak Abu lekas-lekas rujuk dan mengucap istighfar banyak-banyak.

* * *

Wang loteri haram dibuat masjid – ketetapan ini diambil oleh PAS dalam sidang tahunannya. Tengku bilang kalau haram Tengku tanggung dosanya. Apa macam ni! Kalau sabit haram apakah Tengku hendak menentang hukum Tuhan? Orang ramai bertanya, walhasil, Tengku jangan hendaknya lain kali mau tanggung-tanggung dosa – ini cara tidak baik.

* * *

Ahli-ahli kebudayaan yang bekerja kerana kebudayaan dikatakan menganjurkan supaya nama-nama bulan Islam ditukar dengan nama-nama Melayu. Nama-nama bulan Islam itu telah berjalan beribu-ribu tahun – tidak ada yang mengubahnya sedang bulanan bulan itu juga. Jadi kalau ahli-ahli kebudayaan mau tukar nama bulan harap ia buat bulan lain – jangan mengubah nama bulan yang ada. Awang Sulong anjurkan pula supaya tukar nama. Kalau syor ini diterima harap ahli-ahli kebudayaan yang bernama dengan nama-nama Islam itu tukar pula namanya – kalau perlu dengan nama-nama orang-orang besar Hindu supaya nampak perkara kebudayaan gemar kepada kehindu-hinduan telah merebak. Bagaimana pendapat Bung Amin?

* * *

Di dalam siaran-siaran radio negeri-negeri yang memandang agama rasmi negaranya agama Islam, di dalam siaran mereka sentiasa kita dengar permulaannya dengan perkataan *al-Salāmu 'alaykum wa rahmatu Allāh* dan demikian juga pada masa penutupnya.

Persekutuan Tanah Melayu agama negaranya agama Islam tetapi kita hanya mendengar perkataan selamat pagi, selamat petang, selamat malam sehingga berjumpa lagi. Orang-orang terfikir mengapakah tidak lebih baik dengan salam? Jaafar Albar yang bertanggungjawab dalam perkara ini harap memerhatinya.

* * *

Peraduan Bintang Radio Persekutuan Tanah Melayu tahun 1959 telah mendapat pungutan wang sebanyak \$3,400. Wang ini diuntukkan bagi membina Masjid Negara. Orang-orang Islam berkata, kalau wang ini diterima oleh jawatankuasa-jawatankuasanya untuk membina masjid kenapa pula tidak diadakan peraduan kecantikan ataupun peraduan tarian dan *dancing* dan wangnya untuk membina Masjid Negara? Kalau dengan cara ini, Bung, lebih baik jangan buat masjid, walaupun Tengku mau tanggung dosanya. Berabih Bung!

* * *

Ahli-ahli Jawatankuasa Masjid Lambor Kiri di Perak telah bersetuju menerima wang loteri masyarakat sebanyak \$15,000 untuk membina masjid itu. Alasan mereka menerimanya ialah kerana Tengku Abdul Rahman Putra al-Haj telah mengaku akan menanggung dosanya. Nampaknya Tengku, kalau semakin banyak masjid didirikan daripada wang yang tertentu asalnya daripada hasil judi yang diharamkan Tuhan maka makin banyak dosa yang Tengku terima. Di sini tentunya tidak terasa tetapi di sana nanti bagaimana? Sesal dahulu pendapatan sesal kemudian tak ada guna – *wa Allāhu a'lam*.

* * *

Di Indonesia, pada zaman Belanda dahulu, khutbah-khutbah Jumaat tidak pernah disensor, tetapi sekarang sesuatu khutbah Jumaat di daerah-daerah hendaklah diserahkan seminggu lebih dahulu kepada pihak yang berkuasa tentera untuk disensor. Orang-orang Islam di Indonesia, dengan ini agamanya nampaknya berkedudukan, telah dijajah lebih daripada penjajah lagi. Sebabnya ini tidak lain kerana di Indonesia itu nampaknya banyak pemimpin-pemimpin mereka orang-orang yang menapak atau *mudhabdhib*. Mereka banyak yang melembutkan giginya daripada lidahnya kerana maslahat diri sendiri. Kalau mau tau ceritanya lebih panjang tanya sama –

Cemeti al-Farouk.